



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 49

11hb Mei 2006

No. 10

UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PERLIS
(Perkara 39)

LAWS OF THE CONSTITUTION OF PERLIS
(Article 39)

No. 21.

PELANTIKAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN
APPOINTMENT OF MEMBERS OF THE EXECUTIVE COUNCIL

Menurut kuasa yang diberi kepadanya oleh Perkara 39(2)(b) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Pemangku Raja Perlis, dengan nasihat Menteri Besar, berkenan melantik Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang tersebut menjadi Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis mulai 10 April 2006 hingga 9 April 2007.

By virtue of the powers conferred upon him by Article 39(2)(b) of the Laws of the Constitution of Perlis, His Royal Highness the Regent of Perlis, on the advice of the Menteri Besar, hereby appoints the following Members of the State Legislative Assembly to be Members of the Executive Council for the State of Perlis with effect from 10 April 2006 to 9 April 2007.

Yang Berhormat Dato' Haji Abu Bakar bin Haji Ismail

Yang Berhormat Puan Oui Ah Lan

Yang Berhormat Puan Azihani binti Dato' Ali

Yang Berhormat Tuan Haji Azam bin Rashid

Yang Berhormat Tuan Haji Khairi bin Hasan

Yang Berhormat Encik Bakar bin Saad

Bertarikh 14 April 2006

Dated 14 April 2006

[SUK.(Ps.) SULIT 534 Jld. 2]

AHMAD BIN ZAKARIA
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perlis*

ENAKMEN PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG
(NEGERI PERLIS) 2006

REVISION OF LAWS (STATE OF PERLIS)
ENACTMENT 2006

No. 22.

PELANTIKAN PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG
APPOINTMENT OF COMMISSIONER OF LAW REVISION

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Enakmen Penyemakan Undang-Undang (Negeri Perlis) 2006 [*Enakmen 1*], Pihak Berkuasa Negeri Perlis telah melantik Penasihat Undang-Undang Negeri Perlis, Dato' Haji Ab. Karim bin Haji Ab. Rahman sebagai Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Negeri Perlis mulai daripada 1 Mac 2006.

In exercise of the powers conferred by section 3 of the Revision of Laws (State of Perlis) Enactment 2006 [*Enactment 1*], the State Authority of Perlis has appointed the State Legal Advisor of Perlis, Dato' Haji Ab. Karim bin Haji Ab. Rahman as Commissioner of Law Revision of Perlis with effect from 1 March 2006.

Bertarikh 24 Mac 2006

Dated 24 March 2006

[PUN.(Ps.) (SU. 2) 1/rep/1/2004]

AHMAD BIN ZAKARIA
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perlis*

PEMBERITAHU LEWAT

UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PERLIS

(Perkara 32)

LAWS OF THE CONSTITUTION OF PERLIS

(Article 32)

No. 23.

MENZAHIRKAN GELARAN-GELARAN DAN KEBESARAN-KEBESARAN
CREATION OF TITLES AND DIGNITIES

Bahawasanya Perkara 32 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis memperuntukkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis adalah sumber segala kemuliaan dan kebesaran di dalam Negeri ini dan Baginda sahajalah yang boleh mengurniakan gelaran-gelaran dan kebesaran-kebesaran.

Maka inilah dimaklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis telah berkenan untuk menzahirkan gelaran dan kebesaran Darjah Dato' Bendahara Seri Jamalullail (D.B.S.J.) yang membawa gelaran Dato' Bendahara Seri DiRaja.

Whereas it is provided by Article 32 of the Laws of the Constitution of Perlis that the Sovereign is the fountain of all honours and dignities within the State and that His Royal Highness alone may confer titles and dignities.

It is hereby notified that His Royal Highness the Raja of Perlis has been graciously pleased to create title and dignity Darjah Dato' Bendahara Seri Jamalullail (D.B.S.J.) which carries the title Dato' Bendahara Seri DiRaja.

Bertarikh 25 April 2006

Dated 25 April 2006

[SUK.(Ps.) SULIT 1053 SK. 36]

AHMAD BIN ZAKARIA
*b.p. Setiausaha Kerajaan
Perlis*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR STAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA